



Menarik di dalam

Tengku Thuraya Mangkat

Webinar Sejarah Siri 2

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pusat Sumber: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad
Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip




Tapak penemuan alat-alat besi bersoket di Bukit Jati, Klang

Cadangan Penyelidikan Semula Zaman Pra-Sejarah Klang

Klang, 21 Oktober 2021 – Sewaktu pembentangan kertas kerja di Webinar Sejarah dan Warisan Klang 2021 Siri 2 hari ini, Kurator Bahagian Penyelidikan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Puan Intan Salina binti Idrus, telah melontarkan cadangan untuk melaksanakan penyelidikan semula tentang zaman pra-sejarah di Klang dengan kerjasama MPK dan beberapa jabatan kerajaan lain.

Kerjasama berbentuk perkongsian pintar ini bertujuan untuk mengumpul, merekod dan mendokumentasikan segala bentuk bahan serta maklumat tentang Klang dan Sungai Klang.

Kajian akan menjurus kepada peranan Sungai Klang dari segi perdagangan khususnya bijih timah, perkembangan petempatan dan kepentingan alat-alat besi bersoket iaitu tulang mawas dalam konteks sejarah negara.



Kemangkatan Balu Tengku Bendahara Selangor



Klang, 20 Oktober 2021 - YAM Tengku Thuraya binti Almarhum Sultan Ibrahim, suri kepada Almarhum Tengku Bendahara Selangor, Tengku Azman Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj, telah meninggal dunia pada hari Rabu, 20 Oktober 2021 jam 10.20 pagi di kediamannya di Kampung Jawa Klang pada usia 93 tahun kerana sakit tua.



Jenazah Almarhumah dimakamkan pada hari Khamis 21 Oktober 2021 jam 9.00 pagi di Makam Diraja Klang, Selangor.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat ke Majlis Pemakaman Almarhumah.

Almarhumah meninggalkan empat orang putera dan dua orang puteri.



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Webinar Sejarah dan Warisan Klang 2021 Siri 2 diteruskan lagi pada bulan ini dengan dua pembentangan daripada Puan Intan Salina binti Idrus, Kurator Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dan Profesor Dr M. Rajantheran, Pensyarah Jabatan Pengajian India Universiti Malaya.

Profesor Dr Rajantheran sebagai pembentang pertama telah membicarakan tentang sejarah kedatangan masyarakat India ke Semenanjung Tanah Melayu. Beliau telah menyentuh secara ringkas hubungan Tanah Melayu dengan India sejak ribuan tahun lalu dan memberikan penerangan yang jelas bagaimana masyarakat India dibawa masuk ke Tanah Melayu. Beliau yang melakukan kajian tentang sejarah masyarakat India di Klang turut menyuarakan kekurangan maklumat tentang komuniti India di Klang serta perlunya kajian yang lebih lanjut.

Pembentang kedua, Puan Intan Salina membicarakan tentang aspek arkeologi dan penemuan artifak-artifak zaman logam di Klang. Artifak-artifak ini adalah warisan kebudayaan masyarakat di Klang dan Selangor serta sebahagian daripada artifak ini tidak ditemui di bahagian lain di Semenanjung Tanah Melayu.

Pada bahagian akhir pembentangan, beliau telah mencadangkan agar penyelidikan semula tentang aspek arkeologi di Klang dilakukan PADAT bersama MPK dan beberapa jabatan kerajaan lain yang berkaitan. Amat wajar MPK memberi perhatian tentang cadangan ini, lebih-lebih lagi dalam usaha ke arah mencapai status Bandaraya Diraja di mana nilai warisan tidak boleh dipinggirkan.

MPK mengucapkan salam takziah buat keluarga Almarhumah Tengku Thuraya binti Almarhum Sultan Ibrahim. Almarhumah merupakan balu kepada Almarhum YAM Tengku Bendahara Selangor, Tengku Azman Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj.

Kepada para Muslimin dan Muslimat, Sidang Redaksi Warta Warisan MPK mengucapkan Salam Maulidur-Rasul.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Kupasan Pembentangan Ahli-ahli Panel Webinar Siri 2

Memahami Pra-Sejarah Klang Melalui Arkeologi

Puan Intan Salina binti Idrus (PADAT)



2. PERKEMBANGAN PETEMPATAN DAN PERDAGANGAN AWAL

- ❑ Perlu penyelidikan semula mengenai peranan Sungai Rasah sebagai Kawasan **feeder point dan collecting center** kepada Klang dan menyumbang ke arah perkembangan perdagangan awal
- ❑ Petempatan-Petempatan kecil di Kawasan pedalaman Selangor, terutama sekali di tebing-tebing sungai.
- ❑ Kedudukan Bukit Jati perlu dilihat semula berdasarkan kedudukan di hilir sungai kemungkinan ia sebagai kubu (berdasarkan pada jumpaan alat besi bersoket/tulang mawas)

Arkeologi adalah kajian mengenai zaman lepas berdasarkan kepada artifak serta bukan artifak dan warisan alam sekitar. Ia bertujuan untuk mendokumentasi dan menerangkan punca serta perkembangan manusia melalui evolusi kebudayaan sejarah dan material serta kaitan antara manusia dan alam.

Perkembangan budaya awal di daerah Klang melalui data arkeologi adalah sangat kurang dan jumpaan yang ditemui tidak secara kontekstual. Budaya awal di Klang dapat dilihat melalui peninggalan artifak Zaman Logam iaitu gendang gangsa, loceng gangsa dan alat-alat besi bersoket yang sebahagiannya dikenali juga sebagai tulang mawas.

Antara tahun 1905 hingga 1956, beberapa kajian telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik dari luar negara dan juga penyelidik tempatan. Namun kajian terperinci tentang peranan Sungai Klang dan artifak-artifak peralatan besi bersoket bersama tulang mawas masih belum dilaksanakan.

Sejarah Awal Kedatangan Masyarakat India ke Tanah Melayu Prof. Dr. Rajantheran a/l Muniandy

Hubungan di antara India dan Tanah Melayu mempunyai sejarah yang panjang dan terjalin sejak awal abad Masihi lagi melalui jalan laut. Perkara ini telah membawa kepada penyebaran budaya dan kepercayaan India di Asia Tenggara. Namun pengaruh India telah berkurangan selepas kedatangan agama Islam ke Alam Melayu.

Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka telah ada masyarakat India yang menetap di Melaka yang dikenali sebagai Chetty Melaka di samping pedagang India dan ulama Tamil Muslim.

Masyarakat India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh British antara akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-20 adalah buruh paksaan yang bekerja di ladang-ladang pertanian. Mereka tidak diberi gambaran sebenar pekerjaan di Tanah Melayu dan masuk melalui Sistem Terikat (1885-1910), Sistem Kangani (1897-1938) dan sistem bebas. Mereka terdiri daripada orang Punjab, Tamil, Chettiar, Sinhalese dan lain-lain.

Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 sedikit sebanyak membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat India.

Latar Belakang

- ▶ Orang India di Malaysia kini merupakan generasi ketiga dan keempat daripada masyarakat India yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pihak British
- ▶ i) untuk menampung tenaga kerja dalam sektor perladangan.
- ▶ ii) sektor pentadbiran awam dlm kerajaan penjajah British
- ▶ iii) yang datang sebagai pedagang secara persendirian. pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20.

Masyarakat India Malaysia

- ▶ Masyarakat India di Malaysia kini kebanyakannya telah dibawa masuk ke Tanah Melayu pada zaman penjajahan British untuk memenuhi keperluan buruh di ladang-ladang kopi, tebu, dan getah.
- ▶ Tenaga buruh dari India menjadi pilihan yang mudah bagi pihak British kerana India turut dijajah oleh mereka pada waktu itu.
- ▶ Selain itu, buruh India dikatakan bukan sahaja murah, mereka terkenal dengan budaya mengangan budi malah mudah diuruskan - jarang lawan taukeh.

(Rajantheran, N. dan Manimaran, S. 1994: 1-3).



Sekitar Webinar Sejarah dan Warisan Klang Siri 2



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

LIVE WEBINAR

WEBINAR
Sejarah dan Warisan
Klang Siri 2

Staran langsung di:

LIVE

21 21 Oktober 2021
(Khamis)

8.30 pg. – 12.00 tgh.
(Lihat dalam aplikasi 5 minit sebelum webinar bermula)

AHLI PANEL:

AHLI PANEL:

MEDIUM:
shorturl.at/ICJX9
(Microsoft Teams Meeting)

PUAN INTAN SALINA BT. IDRUS
Kurator
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan
Negeri Selangor (PADAM)

PROF DR RAJANTHERAN A/L MUNIANDY
Jabatan Pengajian India
Universiti Malaya

www.maklang.gov.my | Majlis Perbandaran Klang | WhatsApp | Instagram

